

Kempen Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i): Tahun Baru Cina 2026 (English Version)

Dikemaskini pada 19 Januari 2026

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i): Tahun Baru Cina 2026” (“**Kempen**”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**” atau “**Bank**”) bermula pada **3 Februari 2026** dan berakhir pada **3 Mac 2026**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, atau apabila mencapai sasaran kempen, mana-mana yang terdahulu (“**Tempoh Kempen**”), melainkan dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“**T&S**”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada individu atau pemilik tunggal (“**Pelabur**”) yang merupakan pemegang akaun utama Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (“**CASA-i**”) / Akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) (“**CASA**”) yang baharu atau sedia ada.
2. Pemegang akaun bersama CASA-i / CASA tidak dibenarkan membuka/mengendalikan TIA-i dan menyertai Kempen ini.
3. Kempen ini hanya untuk langganan TIA-i baru yang dibuat semasa Tempoh Kempen. Pelabur yang memperbaharui TIA-i sedia ada semasa Tempoh Kempen tidak layak menyertai kempen ini melainkan mereka mengeluarkan mana-mana TIA-i sedia ada dan membuat langganan baru.

MEKANISME KEMPEN & GANJARAN

4. Untuk menyertai Kempen ini, Pelabur MESTI melanggan mana-mana tempoh TIA-i dengan amaun langganan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Ribu (RM8,000) dalam satu resit semasa Tempoh Kempen (“**Pelabur Layak**”).
5. Pelabur Layak akan memperoleh penyertaan ke dalam Cabutan Ganjaran berdasarkan jumlah penempatan mereka seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan penyertaan adalah terkumpul seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 1

Amaun Langganan	Bilangan Penyertaan
RM8,000 Pertama	1 Penyertaan
Setiap Langganan Tambahan sebanyak RM2,000	1 Penyertaan Tambahan

Jadual 2

Amaun Pelaburan per Resit	Bilangan Penyertaan Diperoleh	Pengiraan Penyertaan
RM8,000	1	Memenuhi amaun langganan minimum

RM5,000	02	Tidak memenuhi amaun langganan minimum
RM15,000	43	1 penyertaan untuk RM8k pertama & 3 penyertaan tambahan untuk RM7k seterusnya
RM20,000	7	1 penyertaan untuk RM8k pertama & 6 penyertaan tambahan untuk RM12k seterusnya)

6. Tiada had ke atas bilangan penyertaan semasa Tempoh Kempen. Walau bagaimanapun, setiap Pelabur Layak hanya layak untuk memenangi satu (1) Ganjaran.
7. Pelabur Layak yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 5 akan memperoleh penyertaan untuk berpeluang memenangi Ganjaran Kempen ("**Ganjaran**") seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Peringkat	Ganjaran	Bilangan Pemenang
Ganjaran Utama	Samsung Galaxy S25 Ultra	1
Ganjaran Kedua	DJI Osmo Pocket 3	2
Saguhati	RM288 e-Angpow	8

PEMILIHAN PEMENANG DAN PEMENUHAN GANJARAN

8. Pada akhir Tempoh Kempen, penyertaan yang diperoleh oleh Pelabur Layak akan diberikan nombor rawak dan diletakkan dalam kumpulan pemilihan untuk proses pemilihan rawak ("**Randomiser**").
9. Sebelas (11) Pelabur Layak pertama yang dipilih oleh Randomiser akan disenarai pendek sebagai pemenang ("**Pemenang**"). Ganjaran akan diberikan berdasarkan urutan pemilihan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4

Ganjaran	Urutan
Samsung Galaxy S25 Ultra	Pertama (1) dalam senarai
DJI Osmo Pocket 3	Kedua (2) dan Ketiga (3) dalam senarai
RM288 e-Angpow	Keempat (4) hingga Kesebelas (11) dalam senarai

10. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dalam tempoh sembilan puluh (90) hari perniagaan selepas Tempoh Promosi tamat sama ada melalui e-mel, telefon, notifikasi *In App Push* (IAP) atau apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh pihak Bank ("**Notifikasi Pemenang**") atas dasar usaha terbaik berdasarkan butiran pelanggan terkini yang diberikan oleh Pelanggan Layak seperti yang terdapat dalam rekod HLISB.

11. E-Angpow akan dikreditkan ke dalam CASA-i / CASA Pemenang dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Notifikasi Pemenang.
12. Untuk Ganjaran Bukan Tunai, Pemenang dikehendaki mengambil Ganjaran dari mana-mana cawangan HLB/HLISB atas kos dan perbelanjaan mereka sendiri dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung kos tersebut. Pemenang dikehendaki memberikan kad pengenalan (NRIC) atau pasport mereka dan menandatangani borang penerimaan untuk menuntut Ganjaran mereka dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Notifikasi Pemenang. Jika Pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal menuntut Ganjaran dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Notifikasi Pemenang, pihak Bank berhak untuk membatalkan Ganjaran tersebut dan memilih Pemenang alternatif.
13. Sekiranya Ganjaran tidak diterima, Pemenang bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh Notifikasi Pemenang. Sekiranya gagal, Pemenang akan dianggap telah menerima Ganjaran dan pihak Bank tidak akan melayan sebarang aduan mengenai ketidakterimaan ganjaran tersebut.
14. Sekiranya Pemenang tidak dapat mengambil Ganjaran Bukan Tunai tersebut, Pemenang boleh melantik seorang wakil untuk mengambil Ganjaran bagi pihak beliau dan terma-terma yang ditetapkan di sini akan terpakai kepada wakil tersebut. Wakil tersebut dikehendaki mengemukakan surat kebenaran bertulis daripada Pemenang dan salinan NRIC/Pasport Pemenang (depan dan belakang).
15. TIA-i dan CASA-i / CASA Pemenang mestilah kekal aktif dan sah, serta tidak melanggar mana-mana terma dan syarat T&S ini dan/atau Terma dan Syarat Akaun Pelaburan Bertempoh (TIA-i), Terma dan Syarat Am Akaun, Terma & Syarat berkaitan CASA-i / CASA, dan Terma & Syarat Penggunaan HLB Connect (secara kolektif dirujuk sebagai "**Terma dan Syarat Berkenaan**"), jika tidak, Ganjaran akan dibatalkan atas budi bicara HLISB. Tiada pemilihan pengganti akan dibuat sekiranya berlaku pembatalan.
16. Ganjaran tidak boleh ditukar dan/atau dipindah milik. Ganjaran akan diberikan kepada Pemenang atas dasar "sebagaimana adanya" (*as-is basis*) sahaja. HLISB berhak untuk menggantikan Ganjaran dengan mana-mana item lain yang mempunyai nilai yang sama atas budi bicaranya disebabkan oleh ketiadaan Ganjaran atau keadaan yang tidak dijangka dll. Sebarang permintaan pembatalan dan/atau permintaan bayaran balik setelah penebusan Ganjaran disahkan adalah tidak dibenarkan sama sekali.
17. Pihak Bank tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Ganjaran dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Ganjaran yang hilang, dicuri atau rosak.
18. Pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang terhasil daripada penyertaan mereka dalam Kempen, penebusan dan/atau penggunaan Ganjaran dan bersetuju untuk melepaskan dan membebaskan pihak Bank daripada sebarang liabiliti.
19. Visual Ganjaran di laman web HLISB atau mana-mana bahan promosi rasmi untuk Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
20. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang bersetuju bahawa maklumat peribadi mereka termasuk nama, empat (4) digit terakhir NRIC atau pasport dan/atau empat (4) digit terakhir nombor Akaun mereka mungkin digunakan bagi tujuan Kempen termasuk memamarkan senarai Pemenang di laman web Bank atau laman web kempen.

UMUM

21. Dengan menyertai Kempen ini, Pelabur:
- mengesahkan telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan T&S disini serta Terma dan Syarat Berkenaan;
 - bersetuju bahawa keputusan pihak Bank dalam semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah tepat, muktamad, konklusif dan mengikat semua pelabur;
 - bersetuju untuk mengakses laman web HLISB di www.hlisb.com.my secara kerap untuk menyemak T&S dan sentiasa mengikuti sebarang kemas kini tentang perubahan atau variasi pada T&S;
 - bersetuju bahawa Ganjaran tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan tunai pendahuluan, kredit, cek atau faedah dalam bentuk barangan;
 - bersetuju bahawa T&S ini tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Pelabur Layak atau dengan mengemas kini T&S di laman web HLISB;
 - bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang berkenaan, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
22. HLISB berhak:
- untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang disenaraikan di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen, dengan cara menyiarkan penambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S tersebut atau penamatan Kempen ini di laman web Bank dengan memberi notis awal kepada Pelabur;
 - untuk menggantikan Ganjaran mengikut budi bicaranya, dengan notis yang dipaparkan di laman web HLISB dan adalah menjadi tanggungjawab Pelabur Layak untuk menyemak sebarang kemas kini tersebut;
 - untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelabur yang:
 - pernah melakukan pada masa lalu, atau kini disyaki melakukan penipuan, tindakan menyalahi undang-undang atau kesalahan berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank;
 - sedang menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
 - telah melanggar mana-mana T&S di sini dan/atau Terma dan Syarat Berkenaan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - untuk membatalkan kemenangan dan menuntut semula Ganjaran sekiranya terdapat sebarang penipuan yang dikesan, atau ketidakpatuhan terhadap mana-mana T&S Kempen ini.
23. Selain daripada T&S yang ditetapkan di sini, Pelabur bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini sebagai satu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S di sini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
24. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang ditetapkan di sini dengan sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau sehubungan dengan Kempen ini, T&S di laman web Bank hendaklah diutamakan.
25. T&S ini dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
26. Perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan dalam bentuk tunggal termasuk bentuk jamak dan sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my

TIA-i tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit diinsuranskan anda tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke akaun bukan deposit, contohnya: Unit Amanah, Bon/Sukuk, Pelaburan Dua Mata Wang (DCI), Instrumen Deposit Kadar Terapung Boleh Niaga (FRNID)/Instrumen Boleh Niaga Islamik Kadar Tetap Boleh Panggil (CFRINI), Pelaburan Berstruktur, ASNB, Akaun Pelaburan-i dan lain-lain.

TIA-i adalah tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Prestasi masa lalu bukan petunjuk keputusan masa hadapan, harga/jumlah pelaburan adalah tertakluk kepada risiko pasaran yang boleh mengakibatkan kenaikan atau penurunan nilai.